

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 6 TAHUN 1993

## Perjanjian Susunan "Authors"

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan siapakah yang berlayak untuk dinamakan sebagai seorang "author" sesuatu penerbitan dan menyelaraskan susunan "author" untuk penerbitan yang melibatkan hasil daripada kakitangan atau aktiviti Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Latar belakang

Pada masa sekarang tiada garis panduan mengenai siapakah yang berlayak untuk dinamakan sebagai "author" sesuatu penerbitan berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan hal itu telah membawa masalah pada masa dahulu. Suatu perjanjian resmi untuk susunan "author" penerbitan juga diperlukan bagi mengelakkan kesalah fahaman di antara penyelidik-penyelidik bersama khususnya apabila melibatkan penyelidik yang bukan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Tindakan dan Tanggung-jawab3.1 Kelavakan menjadi seorang "author"

Semua individu yang ditunjuk sebagai 'author', hendaklah telah berpartisipasi dalam kadar yang memadai sehingga membolehkan mereka mempertanggungjawabkan kandungan kerja tersebut.

Penghormatan ditunjuk sebagai "author" hendaklah berdasarkan hanya di atas sumbangan yang sesungguhnya terhadap:

- konsep dan rekabentuk/perancangan, atau analisis dan interpretasi data, dan terhadap
- merangka rencana atau menyemaknya kembali secara kritis bagi kandungan intelektual yang penting, dan terhadap
- persetujuan akhir versi yang akan diterbitkan.

Penglibatan hanya di dalam pemerolehan peruntukan, pengumpulan data atau penyediaan umum kumpulan penyelidik tidak mewajarkan "authorship".

Mana-mana bahagian dari sesuatu rencana yang penting terhadap kesimpulan utamanya hendaklah menjadi tanggungjawab sekurang-kurangnya seorang "authors".

Suatu rencana dengan "authorship" yang korporat (bereama) hendaklah menyatakan individu utama yang bertanggungjawab untuk rencana tersebut; yang lain yang menyumbang terhadap kerja ini hendaklah diiktiraf secara berasingan. Sumbangan seperti sokongan umum oleh ketua jabatan, bantuan teknikal, sokongan kewangan dan bahan, nasihat saintifik dan sebagainya hendaklah disebut sebagai penghargaan. Individu sedemikian hendaklah telah memberi kebenaran untuk dinamakan.

[Dipadankan dari edisi ke-4 dari:

"Uniform requirements for manuscripts submitted to biomedical journals. International Committee of Medical Journal Editors, BMJ 1991, 302: 338-41."]

3.2 Perjanjian susunan "author"

Perjanjian seperti di Lampiran A hendaklah ditandatangani sebelum sesuatu projek dijalankan. Tajuk manuskrip bolehlah diubahsuai apabila manuskrip tersedia. Susunan "author" hanya boleh ditukar dengan perjanjian semua "author". Sesalinan perjanjian itu mesti disimpan oleh setiap penulis untuk rujukan pada masa hadapan.

4. Pertanyaan

Segala pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Pengarah, Institut Penyelidikan Perubatan.

5. Tarikh Kuatkuasa

Pelaksanaan pekeling ini adalah berkuatkuasa daripada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan,  
Malaysia.

November 1993

**'AUTHORSHIP'**

[Dipadankan dari edisi ke-4:

#@Uniform requirements for manuscripts submitted to biomedical journals". International Committee of Medical Journal Editors, British Medical Journal 1991; 302: 338-41.1

Semua individu yang ditunjuk sebagai pengarang hendaklah telah berpartisipasi dalam kadar yang memadai sehingga membolehkan mereka mempertanggungjawabkan kandungan kerja tersebut. Susunan 'authorship' hendak terlebih dahulu dipersetujui oleh semua 'coauthor'.

Penghormatan ditunjuk sebagai pengarang hendaklah berdasarkan hanya di atas sumbangan yang sesungguhnya terhadap:

- a. konsep dan rekabentuk/perancangan, atau analisis dan interpretasi data, dan terhadap
- b. merangka rencana atau menyemaknya kembali secara kritis bagi kandungan intelektual yang penting, dan terhadap
- c. persetujuan akhir versi yang akan diterbitkan.

Penglibatlah hanya di dalam pemerolehan peruntukan, pengumpulan data atau penyediaan umum kumpulan penyelidik tidak mewajarkan 'authorship'.

Mana-mana bahagian dari sesuatu rencana yang penting terhadap kesimpulan utamanya, hendaklah menjadi tanggungjawab sekurang-kurangnya seorang pengarang.

Suatu rencana dengan 'authorship' yang korporat (bersama) hendaklah menyatakan individu utama yang bertanggungjawab untuk rencana tersebut; yang lain yang menyumbang terhadap kerja ini hendaklah diiktiraf secara berasingan. Sumbangan seperti sokongan umum oleh ketua jabatan, bantuan teknikal, sokongan kewangan dan bahan, nasihat saintifik dan sebagainya hendaklah disebut sebagai penghargaan. Individu sedemikian hendaklah telah memberi kebenaran untuk dinamakan.

**APPENDIX A**

**AUTHORSHIP AGREEMENT"**

Title of manuscript:

order of authorship:

..... \$ agree to be "senior author/co-author\*" of the above titled manuscript. I agree too with the order of authorship as listed above.

(Signature) (Date)

Delete where not applicable

**AUTHORSHIP**

[Adapted from the 4th edition of the

Unifoxw requizements for manuscripts submitted to biomedical journalsw. International Co@ttee Ot Medical Tou=al Editors, @itish M@cal Journal 1-9.91; 302: 338-41.]

All persons designated as authors should have participated sufficiently in the work to take public responsibility for the content. The order of authorship should be a joint decision of the coauthors.

Authorship credit should be based only on substantial contributions to:

- a) conception and design, or analysis and interpretation of data; and to
- b) drafting the article or revising it critically for important intellectual content, and on
- c) final approval of the version to be published.

Participation solely in the acquisition of funding, collection of data or general supervision of the research group does not justify authorship.

Any part of an article critical to its main conclusions must be the responsibility of at least one author.

A paper with corporate (collective) authorship must specify the key persons responsible for the article; others contributing to the work should be recognised separately. Contributions such as general support by a departmental head, technical help, financial and material support, scientific advice, etc. should be mentioned as acknowledgements. Such persons must have given permission to be named.

#### LAMPIRAN-A

#### PERJANJIAN "AUTHORSHIP"

Tajuk manuskrip:

Susunan ||authorship||:

Saya....., bersetuju menjadi "senior author/co-author\*" manuskrip tersebut di atas. saya juga bersetuju dengan susunan "authorship" seperti disenaraikan di atas.

(Tandatangan) (Tarikh)

Palangkan yang tidak sesuai